



Perkasa peranan siswi

Sepereti kelaziman, pelajar perempuan sentiasa mendominasi atau menjadi golongan majoriti apabila kita memperkatakan mengenai bilangan kemasukan pelajar baharu ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) saban tahun.

Angka ini sentiasa menunjukkan trend peningkatan di mana-mana IPTA sama ada dalam bidang kritikal mahupun teknikal.

Mendukung peranan sebagai Timbalan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sesi 2014/2015 pastinya memberi cabaran baharu kepada saya.

Jawatan kedua terpenting dalam barisan kepimpinan MPP itu menyahtkan saya menggalas peranan dan tanggungjawab besar. Paling penting, saya perlu mengupayakan keberadaan siswi sebagai kumpulan majoriti di kampus.

Dasar kerajaan pada masa kini memberi peluang yang amat baik kepada wanita untuk dilantik menduduki jawatan penting dalam barisan kepimpinan utama seperti dalam peringkat kabinet, kementerian, agensi, jabatan dan sebagainya. Ada antara mereka yang memegang amanah sebagai ketua dan pembuat dasar.

Pada peringkat kepimpinan pelajar di kampus, saya melihat ruang ini diberi dan dimanfaatkan dengan sebaiknya. Persoalan wanita tidak boleh memimpin dengan baik bukan lagi suatu bentuk kepercayaan negatif dan skeptikal yang melingkari minda serta jiwa masyarakat kini.

Hanya seseorang yang kolot dan mundur akan meniadakan kemampuan wanita sebagai pemimpin berkaliber.

Saya bersama-sama barisan kepimpinan MPP USIM kali ini mendukung visi Membangun Akal dan Jiwa Masyarakat USIM Demi Kecemerlangan Umat.

Kami ingin meluaskan skop

sasarannya iaitu menyeluruh kepada semua pihak dan tidak hanya tertumpu kepada pelajar semata-mata.

Empat aspek

Dengan memberi perhatian kepada empat aspek utama iaitu penstrukturan spiritual, pembangunan intelek mahasiswa, kebajikan kecaknaan bersama dan mahasiswi aset berharga universiti, kedudukan saya sebagai Timbalan Yang Dipertua MPP akan digunakan sepenuhnya untuk membangunkan akal dan jiwa warga kampus, terutama siswi.

Bagaimana Pendekatan stra-

tegit yang boleh diambil ialah melalui mememerkasakan setiap biro berkaitan seperti Biro Pembangunan Sahsiah dan Kerohanian, Biro Sukan dan Rekreasi, Biro Kebajikan dan Keselamatan, Biro Kebudayaan dan Biro Ekonomi agar masing-masing memainkan peranannya dalam memperkasa siswi pada tempatnya.

Sebagai kumpulan yang besar dalam kampus, kehebatan seseorang siswi perlu dijelmakan dengan berkesan dan ampuh mencakupi dua aspek iaitu keseimbangan intelek dan aktivis mahasiswi itu sendiri.

Intelektual hanya akan menakung ilmu sama seperti menakung air manakala aktivislah yang bertanggungjawab mengalirkannya ke jalan yang sepatutnya.

Justeru, azam saya tinggi untuk memobilisasi peranan siswi supaya menjadi rujukan dan agen perubahan kepada warga USIM serta masyarakat secara keseluruhan.

Usaha gigih perlu dalam memperkasa siswi untuk aktif berpersatuan, berani berkepimpinan, cakna tentang keadaan sekeliling, pakar dalam bidang masing-masing, bijak mengurus masalah dan tinggi jati dirinya sebagai siswi berprinsip.

Dengan menekankan aspek spiritual dalam setiap perkara, diharap kita dapat melihat puteri-puteri yang lahir dari semua IPTA khususnya dari USIM, menjadi graduan 'berkebakikan' me-ngikut acuan digariskan dalam al-Quran iaitu beriman, beramal dengan ilmunya, mematuhi arahan serta dan meninggalkan segala larangan



USAHA GIGIH PERLU DALAM MEMPERKASA SISWI UNTUK AKTIF BERPERSATUAN, BERANI BERKEPIMPINAN, CAKNA KEADAAN SEKELILING, PAKAR DALAM BIDANG MASING-MASING, BIJAK MENGURUS MASALAH DAN TINGGI JATI DIRINYA SEBAGAI SEORANG SISWI BERPRINSIP"

Allah SWT, menepati janji dan sabar.

Inilah ciri-ciri siswi yang ingin dibentuk dan dijelmakan menerusi pelan tindakan setiap biro dalam barisan kepimpinan kali ini. Insya-Allah, ia akan berjaya.